



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALA LUMPUR
 Tel: 03-20716425/6424
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR

21 MAC 2020

(Dikeluarkan pada jam 4.00 petang)

PENULARAN RAKAMAN NOTA SUARA (VOICE MESSAGE) "ANGGOTA TENTERA DIBERI KUASA PUKUL ORANG AWAM" DAN MESEJ MOHON BANTUAN VETERAN ATM MENGUATKUASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dengan ini **menafikan sekeras-kerasnya** bahawa rakaman nota suara dan mesej informasi seperti perkara tajuk adalah menggambarkan kaedah yang diguna pakai oleh ATM dalam membantu PDRM menguatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Masyarakat diminta berhenti menyebarkannya **SERTA-MERTA** kerana mesej atau informasi tersebut boleh mengundang pelbagai spekulasi dan mencetuskan suasana panik dalam kalangan rakyat. Rakaman nota suara (voice message) dan mesej informasi yang tular menerusi aplikasi WhatsApp dan lain-lain medium media sosial adalah seperti berikut:

"Assalamualaikum, Selamat Petang semua sekali, saya nak telefon sorang-sorang saya tak mampu. Jadi saya maklum dalam group ni jelah. Kami semua sekali angkatan tentera dah buat persiapan. Nampaknya kalau sesiapa yang melanggar arahan Perintah Kawalan ni dengan tak cakap banyak terus pukul" - berdurasi 39 saat.

"Pihak Kementerian Pertahanan Akan Memohon Bantuan Veteran Tentera Ketiga Tiga Perkhidmatan Untuk Membantu Pihak Berkuasa Dan Negara Bagi Menjalankan Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan Orang Awam Seluruh Negara...."

Adalah ditegaskan, mana-mana individu yang didapati menyebarkan berita palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Masyarakat juga tidak perlu bimbang apabila melihat kehadiran anggota ATM daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara kerana ini merupakan tugas sekunder ATM di waktu aman iaitu berperanan membantu pihak berkuasa awam dalam memelihara keamanan negara. Sebaliknya, orang ramai perlu bekerjasama dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan agar usaha membendung penularan COVID-19 dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"